

**Ekonomi Asia terus buruk 6 bulan lagi**  
**Utusan Online**  
**November 18, 2011**

PARIS 17 Nov. - Situasi ekonomi dunia semakin buruk pada suku keempat seperti mana yang ditunjukkan dengan peningkatan jangkaan negatif oleh pakar-pakar ekonomi, demikian menurut Kaji Selidik Ekonomi Dunia (WES).

Kaji selidik itu diterbitkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (ICC) dan Institut Penyelidikan Ekonomi (Ifo), Munich.

Kaji selidik itu bertanya kepada 1,119 pakar ekonomi daripada sektor perniagaan dan institusi akademik untuk melihat pembangunan ekonomi semasa dan jangkaan mereka.

Menurutnya, jawapan mereka dianalisis bagi mencapai angka sukuan mewakili situasi ekonomi semasa.

"Pandangan terhadap ekonomi jatuh kepada 78.7 mata pada suku keempat berbanding paras tertinggi pada suku kedua iaitu 107.1 mata menjadikannya paras terendah sejak dua tahun lalu.

"Kejatuhan angka itu menunjukkan pakar ekonomi kurang optimistik terhadap masa hadapan, merekodkan penurunan berterusan dari 110.5 mata pada suku pertama kepada 71.9 di suku keempat.

"Penilaian mereka kepada situasi ekonomi keseluruhan merudum berbanding suku kedua yang tinggi sebanyak 108.4 mata kepada paras terendah iaitu 86.0 mata," katanya.

Setiausaha Agung ICC, Jean- Guy Carrier berkata, keputusan tersebut menunjukkan suasana rapuh sektor kewangan terutama pembiayaan awam dan ancaman kukuh ekonomi sebenar negara-negara bakal mengalami kelembapan.

"Namun ia masih tidak terlambat untuk menghalang senario destruktif ini, sekiranya kerajaan-kerajaan di seluruh dunia terutama di Eropah berjaya meyakinkan pasaran dengan membuat keputusan tepat," jelasnya.

Di Asia, suasana ekonominya menunjukkan kejatuhan berterusan dan pada masa ini berada di bawah purata jangka panjang.

Jangkaan untuk enam bulan akan datang terus buruk di rantau tersebut.

Manakala, di barat Eropah, tinjauan hadapan lebih negatif juga disebabkan situasi ekonomi yang semakin buruk.

Pengarah Perniagaan Ifo, Gernot Nerb berkata, perkara menarik daripada keputusan kaji selidik terbaharu itu adalah kurangnya keyakinan terhadap polisi ekonomi kerajaan dan merupakan masalah penting sejak kaji selidik dimulakan 20 tahun lalu.

Inflasi 2011 dijangka kekal pada paras 4 peratus bagi purata global dan majoriti pakar WES menganggarkan kadar faedah kekal untuk tempoh enam bulan akan datang.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1118&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1118&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_11.htm)